

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

KEBENARAN BEROPERASI

BAGI AKTIVITI RANTAIAN BEKALAN, SEKTOR MAKANAN, E- DAGANG DAN SUB SEKTOR TAMBAHAN YANG DIKAWAL SELIA OLEH KPDNHEP DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) FASA 3

- 1) Di bawah tempoh PKP Fasa 1 dan 2, KPDNHEP telah memberikan pengesahan kebenaran beroperasi bagi pemain-pemain industri yang terdiri daripada pengedar, pemborong, peruncit dan e-dagang dalam memastikan rakyat terus mendapat akses kepada keperluan asas dan produk kritikal sepanjang tempoh PKP.
- 2) Bagi mengimbangi kelangsungan ekonomi negara, Kerajaan telah bersetuju untuk mengambil langkah pro-aktif dan responsif untuk membenarkan beberapa sektor ekonomi tambahan beroperasi secara berfasa seperti yang diumumkan melalui Sidang Media Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada 16 April 2020 jam 4.00petang.
- 3) Susulan daripada kenyataan media dari MITI itu, Kementerian ingin memaklumkan perkara-perkara berikut:
 - i. Syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti rantaian pembekalan makanan, e-dagang serta perkhidmatan pengedaran yang telah menerima pengesahan kebenaran daripada KPDNHEP sebelum atau pada 14 April 2020 **TIDAK PERLU** mengemukakan permohonan baru dan boleh meneruskan operasi sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa. Surat kelulusan yang telah dikeluarkan masih berkuatkuasa dan terpakai
 - ii. Bagi permohonan pengesahan aktiviti rantaian pembekalan makanan, e-dagang dan perkhidmatan logistik **yang telah dikemukakan kepada Kementerian sebelum ini** dan **masih belum** menerima pengesahan

kebenaran untuk beroperasi, diminta membuat permohonan baru secara atas talian di laman sesawang www.miti.gov.my.

- 4) Berikut adalah **SUB SEKTOR TAMBAHAN** yang dibenarkan beroperasi dibawah kawal selia Kementerian:
- a) Kedai *hardware*;
 - b) Kedai barang elektrik dan elektronik (tidak termasuk kedai peralatan telekomunikasi dan peralatan ICT); dan
 - c) Perkhidmatan dobi (*full service*).
- ii. Semua permohonan bagi sub sektor tambahan tersebut hendaklah dikemukakan kepada MITI secara atas talian di laman sesawang www.miti.gov.my <https://application.miti.gov.my>. Hanya permohonan yang menepati syarat Prosedur Operasi Standard (SOP) dan lengkap sahaja akan dipertimbangkan. Permohonan yang diterima selain daripada melalui portal tersebut tidak akan diproses
- iii. Syarikat-syarikat yang ingin mengemukakan permohonan sub sektor tambahan di bawah kawal selia KPDNHEP ini juga hendaklah memastikan lokasi operasi syarikat tidak berada di Zon Merah, Zon Kuning atau yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) seperti yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang tempoh PKP.
- 5) Selain pematuhan kepada syarat-syarat dan garis panduan yang diperketatkan ini, kebenaran beroperasi ini juga tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan oleh MKN, KKM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan garis panduan oleh lain-lain agensi penguatkuasaan yang berkaitan dari semasa ke semasa. Kegagalan syarikat untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan kebenaran beroperasi dibatalkan serta-merta.

Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara diatas hendaklah dimajukan kepada pegawai kami, Encik Shahrin Bin Ismail, Sekretariat Perdagangan dan Industri Perkhidmatan di talian 03-8882 6088 atau spip@kpdnhep.gov.my

YB Datuk Alexander Nanta Lingi
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
14 April 2020

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampung sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

